

Pelajar (mahasiswa) Malaya di Jogjakarta dan Surakarta dianaktirikan oleh kedutaan Malaya di Jakarta.

Tulisan ini dibuat ialah sebagai suatu pembelaan terhadap pernyataan yang dikeluarkan oleh Himpunan Pelajar Malaya di Indonesia tanggal 23.12.1961 yang lalu. Sebagai suatu pembelaan tentu sahaja di dalam tulisan ini di mana perlu akan dikemukakan alasan-alasan yang menjadi latar belakang bagi pernyataan tersebut. Sesuai dengan pernyataan itu maka tulisan ini bukanlah bertujuan untuk menjatuhkan nama baik sesuatu golongan atau orang perseorangan belaka tetapi semata2 merupakan kritik sihat terhadap gejala-gejala yang tidak menyenangkan dalam perkembangan demokrasi yang berjalan di negara Persekutuan Tanah Melayu umumnya dan di kedutaan besar Malaya di Jakarta khususnya.

(Oleh: Mahasiswa Melayu)

Sepertimana yang diterangkan secara singkat tetapi tetap tegas dalam pernyataan itu, bahawa di tahun-tahun terakhir ini mahasiswa (pelajar) Malaya di Jogjakarta dan Sukarta selalu mengalami tekanan-tekanan dan kepahitan-kepahitan baharu berhubung tidak adanya perhatian dari Kedutaan Besar Malaya di sini atau dengan perkataan lain kerana mereka selalu dianaktirikan oleh institusi yang berwenang itu. Kasih sayang dan bantuan moral mahu pun material yang diberikan kepada mereka jauh berbeza bila dibandingkan dengan kasih sayang dan bantuan yang ditumpahkan oleh Kedutaan Besar kepada mahasiswa Malaya di Jakarta. Ini sesuatu hakikat (kenyataan) yang sungguh amat mendukacitakan.

Apakah latar belakang yang menimbulkan diskriminasi itu? Apakah alasan yang menjadi

motif, *fundament* oleh Kedutaan Besar untuk memperlakukan mereka dengan perlakuan yang tidak wajar itu? Dalam usaha mencari jawapan terhadap pertanyaan yang serius itu tidak didapati sesuatu keterangan yang konkrit dari pihak Kedutaan Besar sendiri, tetapi selalu sahaja didengar keluhan-keluhan dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan baik secara nyata-nyata mahupun tidak nyata, bahawa:

1. Mahasiswa Malaya di Jogjakarta dan Sukarta menceburkan dirinya di lapangan politik dan mereka adalah pendokong atau alat bagi sesuatu aliran politik yang tertentu.

2. Mahasiswa Malaya di Jogjakarta dan Sukarta adalah termasuk golongan reaksioner dan

revolusioner yang berbahaya bagi keselamatan bangsa dan negara.

3. Mahasiswa Malaya di Jogjakarta dan Surakarta

pada umumnya belajar di universiti-universiti dan perguruan-perguruan tinggi selama yang tidak akan memberi sesuatu faedah kepada bangsa dan negara.

4. Mereka datang ke Indonesia bukan dengan inisiatif

pemerintah atau mendapat biasiswa dari pemerintah tetapi atas inisiatif dan biaya mereka sendiri.

Berdasarkan dugaan-dugaan tersebut itulah barangkali yang menyebabkan Kedutaan Besar di sini memperlakukan mahasiswa (pelajar) Malaya di sini dengan perlakuan yang tidak menyenangkan, sehingga untuk mereka tidak perlu diberikan perhatian apalagi untuk diberikan sebarang bantuan.

Apakah benar mahasiswa (pelajar) kita itu terjun ke gelanggang politik? Demi sesungguhnya persangkaan tersebut di atas amat keliru sekali, kerana tidak ada tanda-tanda atau bukti yang dapat membenarkan. Tuduhan itu hanya semata-mata dibuat kerana kesempitan faham dan kerana pengaruh dan tekanan politik yang dianut oleh Kedutaan Besar itu sendiri. Apakah yang dimaksudkan dengan menceburkan diri ke gelanggang politik oleh Kedutaan Besar itu? Apakah memasuki salah satu parti politik yang ada di Malaya atautah di Indonesia? Kalau ini dimaksudkan maka jauh panggang dari api, kerana sampai sekarang tidak seorang pun di antara anggota himpunan pelajar Malaya di Indonesia yang memasuki sesuatu parti politik apalagi menjadi alat untuknya bahkan tidak ada di antara mahasiswa

tersebut menceburkan diri kedalam organisasi pelajar (mahasiswa) yang asas tujuannya bertentangan dengan asas-asas hukum dan norma-norma yang berlaku di Malaya.

Hanya sebagai pemuda Melayu yang hidup dan mendapat pendidikan di zaman demokrasi ini mereka harus dan mesti menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman.

Oleh hal yang demikian, mereka tidak mahu ketinggalan dalam mengikuti perkembangan-perkembangan politik di Malaya mahu pun di Indonesia khususnya dan politik dunia umumnya melalui siaran-siaran radio, siaran akhbar, majalah dan buku-buku disamping mengajar pelajaran dan kesempurnaan dalam pendidikan dan pengajaran.

Selain itu patut diingat bahawa sistem pendidikan (pengajaran) di Indonesia berbeza dengan sistem pendidikan (pengajaran) di Malaya dimana mata pelajaran mengenai politik diberikan mulai disekolah menengah pertama lagi, apalagi di universiti-universiti dan perguruan-perguruan tingginya. Baik di universiti umum mahu pun di universiti Islam sama sahaja keadaannya sehingga setiap warga negara Indonesia yang pernah mendapat pendidikan mempunyai kesedaran yang mendalam di lapangan politik, mereka tidak hanya menjadi domba yang dapat ditarik dan dilagakan orang semau-maunya sahaja. Kalau inilah yang dimaksudkan oleh Kedutaan Besar itu maka memang benarlah demikian tetapi kalau memasuki parti politik atau datang ke Indonesia untuk belajar politik belaka amatlah jauh dari benar!

Kadang-kadang dalam membuat kesimpulan-kesimpulannya Kedutaan Besar semata-mata berpegang kepada perbezaan pendapat di antaranya dengan mahasiswa Malaya di sini, pun berdasarkan buku-buku yang dibaca oleh mereka sehingga dengan cara yang

agresif Kedutaan melemparkan tuduhan-tuduhan dan kecaman-kecaman yang tidak dapat dipertanggungjawabkan sama sekali.

Memang dalam banyak hal ada perbezaan pendapat di antara Kedutaan Besar dengan mahasiswa Malaya di sini tentang pembangunan ekonomi, sosial dan pendidikan di Malaya baik yang dinyatakan secara langsung mahu pun tidak, tetapi bukanlah kerana mereka berpolitik atau terpengaruh oleh sesuatu aliran politik yang tertentu. Sebagai warga negara dari sebuah negara yang demokrasi mereka pun berhak untuk mengeluarkan pendapat dan kritik-kritik yang dipandang sihat terhadap pembangunan bangsa dan negaranya. Dan mereka pun berkewajipan pula untuk mempertahankan nama baik bangsa dan negaranya. Setiap orang mempunyai hak dan kewajipan yang tidak boleh dikurangi atau dibatasi kecuali yang diperbolehkan oleh undang-undang. Zaman gelap sudah lampau dan kita sekarang sudah berada di suatu zaman baharu iaitu zaman kebebasan dan demokrasi!

Sekali lagi saya tandaskan bahawa sebagai mahasiswa (pelajar) kami tetap bersikap neutral terhadap percaturan-percaturan politik yang berlaku di tanah air, tetapi kami mempunyai kebebasan berfikir dan berpendapat yang tidak dapat dibatasi atau dikurangi sama sekali.

Sebagai sebuah negara demokrasi Malaya mestilah menjamin kebebasan bagi semua warganegara tanpa adanya diskriminasi atau tekanan-tekanan kecuali apabila nyata-nyata bertentangan dengan dasar-dasar hukum atau norma-norma yang wajib dipatuhi. Pun hendaknya perbezaan cara berfikir itu janganlah dijadikan alasan untuk menggali jurang perbezaan di antara semua warganegara Malaya, apalagi untuk mengistimewakan satu golongan

dari golongan lainnya. Semua mereka mempunyai hak dan kewajipan yang sejajar walaupun cara berfikir dan pandangan hidupnya berbeza-beza. Bukankah dengan perlainan pendapat dan perbezaan cara berfikir itu akan menimbulkan sesuatu bangsa yang dinamis dan harmonis?

Sudah jelas diketahui umum bahawa majoriti mahasiswa Malaya di Jogjakarta dan Surakarta adalah berasal dari Kelantan yang kebetulan diperintahi oleh PAS dan kebanyakan mereka belajar di universiti-universiti dan perguruan-perguruan tinggi Islam dalam pelbagai jurusan. Ini pun tidak kurang menjadi alasan bagi Kedutaan Besar untuk menganaktirikan mereka kerana mereka otomatis dianggap menjadi alat bagi suatu aliran politik tertentu. Untuk zaman sekarang alasan ini sudah terlalu usang ia hanya cocok untuk para imperialis dan kolonialis yang selalu berusaha untuk membendung dan merintang perkembangan dan kemerdekaan bangsa-bangsa yang dijajahnya. Amat sayangnya apabila ada di antara pemimpin-pemimpin kita yang berpandangan hidup demikian.

Sebuah perwakilan sebenarnya tidak boleh terlalu fanatik dengan aliran politik yang dianutnya selama melakukan sesuatu tugas negara. Sentimen politik adalah bertentangan dengan jabatan yang dipegangnya dan tidak akan memberi faedah dalam pelaksanaan serta perwujudan demokrasi malah akan menghambat perkembangan dan akan menghancurkan perpaduan bangsa dan segenap sendi-sendi keadilan dan kekuatan negara.

Apakah tugas perwakilan itu hanya untuk melindungi warganegara yang menganut aliran politiknya

ataukah untuk semua warganegara?

Memang Kedutaan Besar Malaya di sini adalah mewakili pemerintah Malaya atau lebih tegas dilantik oleh orang-orang Perikatan yang memerintah tetapi Kedutaan ini bukan hanya untuk kepentingan orang-orang Perikatan belaka sehingga orang-orang di luar itu tidak mempunyai hak apa-apa. Orang-orang Kedutaan Besar di sini hendaknya mengetahui akan fungsi dan tugas mereka pun hendaknya menyedari bahawa mereka bukanlah wakil dari Perikatan tetapi mereka adalah wakil dari satu bangsa yang merdeka dan berdaulat, konsikuensinya mereka wajib berbakti kepada semua untuk semua tanpa pilih parti atau pilih kasih.

Selanjutnya dapat saya jelaskan bahawa mahasiswa-mahasiswa Malaya yang belajar di luar universiti-universiti (perguruan tinggi) Islam lebih banyak memperoleh simpati dan perhatian dari Kedutaan Besar ini tentunya kerana mahasiswa-mahasiswa yang belajar di universiti-universiti Islam itu mempunyai suatu keyakinan hidup yang bertentangan dengan keyakinan hidup orang-orang di Kedutaan Besar, pun mereka mempunyai jiwa kritis yang sama sekali tidak diharap-harapkan oleh Kedutaan itu. Kecuali itu tentunya ada alasan lain bagi Kedutaan Besar untuk tidak mengharuskan mereka iaitu pandangan rendah oleh Kedutaan terhadap agama dan mahasiswa-mahasiswa Islam, kerana mereka menganggap bahawa mahasiswa-mahasiswa itu tidak akan memberi faedah apa-apa untuk pembangunan bangsa dan kemajuan negara. Mereka adalah orang-orang akhirat yang menjauhi segala sesuatu yang berbau keduniaan. Suatu pandangan yang amat pecek sekali!

Lebih jauh dapat dikatakan bahawa tidak adanya

perhatian oleh Kedutaan Besar itu semata-mata didasarkan atas status mereka iaitu mereka datang ke Indonesia bukan dengan inisiatif pemerintah tetapi atas inisiatif dan kemahuan mereka sendiri. Oleh itu mereka mesti menghadapi dan menyelesaikan sendiri segala sesuatu yang menjadi rintangan kepada mereka. Kedutaan berpendapat bahawa itu bukanlah tugas dan kewajiban mereka atau dengan kata-kata lain mereka hanya dapat memberi layanan atau bantuan yang diperlukan apabila mahasiswa-mahasiswa itu datang ke Indonesia atas inisiatif pemerintah atau mendapat jaminan hidup dari pemerintah, suatu alasan yang jauh dari benar.

Sebenarnya alasan itu sengaja dibuat untuk melepaskan diri dari tanggungjawab, suatu alasan yang sama sekali tidak diharapkan dari sebuah perwakilan dari negara yang demokratis.

Ucapan-ucapan yang demikian itu selalu diucapkan oleh Yang Terutama Duta Besar sendiri sewaktu beliau berkunjung ke Jogjakarta atau sewaktu dikemukakan kepada beliau oleh H.P.M.I. kesulitan-kesulitan yang sedang dihadapi malah selalu dihadapi oleh mahasiswa Malaya di sini. Berdasarkan pengertian yang demikian itu pulalah surat-surat yang dikirim oleh H.P.M.I mengenai suatu persoalan yang penting-penting jarang mendapat jawapan dari Kedutaan apalagi untuk mendapat perhatian yang sewajarnya.

Sebagai contoh saya kemukakan di sini tentang persoalan asrama pelajar Malaya di Jogjakarta, yang walaupun sudah diwujudkan ke alam nyata sejak tahun 1960 tetapi sampai sekarang belum beres dan masih terlalu banyak kekurangan-kekurangan yang perlu diselesaikan misalnya mengenai perbaikkan-perbaikkan yang belum

selesai. Selain itu keadaan dan status asrama ini belum menentu dan terang sehingga sukar untuk dapat dipertanggungjawabkan. Apa yang saya tahu hanyalah bahawa mahasiswa di sini mendapat bantuan wang dari pemerintah Malaya dan asrama ini disewa oleh Kedutaan Besar untuk waktu tiga (3) tahun dengan pembayaran wang muka yang dijadikan modal oleh tuan punya rumah untuk memperbaikinya sebelum mahasiswa itu mendiaminya. Berapakah jumlah sewa perbulanan dan bagaimanakah cara penggunaan wang itu oleh Kedutaan tidak dapat diketahui sama sekali padahal mahasiswa di sini berhak untuk mengetahuinya kerana mereka bertanggungjawab terhadap asrama itu dengan segala kekurangan dan kesempurnaannya.

Menilik jumlah wang yang ditetapkan oleh pemerintah saya yakin bahawa asrama tersebut dapat disempurnakan dan dapat diadakan kemudahan-kemudahan yang menguntungkan mahasiswa itu sendiri dalam menghadapi *study*-nya. Saya sebagai seorang mahasiswa yang mengambil sikap yang pasif belaka tetapi selalu mengikuti perkembangan-perkembangan mahasiswa di sini dan sentiasa merasai pahit maungnya sering-sering dihujani oleh keluhan-keluhan dan penyesalan oleh pengurus H.P.M.I tentang sikap Kedutaan Besar mengenai persoalan tersebut kerana sampai sekarang mereka belum mendapat keterangan apa-apa dari Kedutaan Besar dan permohonan mereka untuk mengadakan perbaikan-perbaikan terhadap asrama ini dianggap sepi sahaja oleh kedutaan besar.

Orang ramai mengetahui bahawa mahasiswa Malaya di sini mendapat wang tunjangan perbulanan sebanyak \$500.00 (lima ratus ringgit) suatu jumlah yang

lumayan untuk menyewa dua buah asrama yang menyenangkan apabila pemakaiannya itu kena dan tepat pada tempatnya tetapi kenyataannya tidaklah demikian! Malah sampai sekarang asrama itu tidak pernah beres-beresnya.

Masih banyak hal-hal lain yang memperlihatkan kurang adanya tanggungjawab Kedutaan Besar terhadap mahasiswa Malaya di sini. Misalnya mengenai kecelakaan yang terjadi ke atas mahasiswa Malaya di sini yang sepatutnya Kedutaan Besar itu memikul tanggungjawab. Kejadian yang saya maksudkan itu ialah kejadian yang berlaku di tahun 1960 yang lalu. Seorang mahasiswa yang berasal dari Kelantan menderita suatu penyakit yang hampir tidak tertolong lagi. Oleh himpunan pelajar Malaya di Indonesia yang sentiasa memerhatikan nasib mahasiswa (pelajar) Malaya di sini dikirimlah seorang wakilnya ke Jakarta untuk berunding dengan Duta Besar mengenai masalah tersebut terutama meminta bantuan wang untuk ongkos perubatan mahasiswa itu selama berubat di rumah sakit. Jawapan diberikan ialah Kedutaan Besar tidak punya wang untuk itu, tidak ada persediaan untuk dana sosial! Tetapi oleh desakan yang amat sangat sesuai dengan situasi serius yang mengancam itu maka Duta Besar berjanji akan membayar perongkosan itu dikemudian hari, yakni sesudah mahasiswa tersebut keluar dari rumah sakit. Memang pada mulanya ada juga perhatian dari peribadi Duta Besar sendiri, ini ternyata dengan surat-surat jaminan kepada doktor besar rumah sakit tempat mahasiswa itu berubat sehingga mendapat layanan dari prioriti yang luar biasa besarnya dari rumah sakit termaklum rupa-rupanya semua ini hanya permainan sandiwara belaka,

sebab janji-janji itu hanya palsu belaka! Ini ternyata sesudah setahun lebih ongkos itu tidak pernah dibayar oleh beliau walaupun H.P.M.I sendiri dan pihak rumah sakit mengirimkan beberapa pucuk surat yang sesuai dengan janji-janji itu, malah segala surat-surat itu tidak pernah berjawab! Dapatkah dimaafkan terhadap perbuatan yang mencemarkan nama baik bangsa dan negara yang telah dilakukan oleh Duta Besar kita itu? Apakah kesalahan yang lebih besar daripada pengkhianatan janji yang dilakukan oleh seorang tokoh dari suatu bangsa dan negara! Sungguh sesuatu perbuatan yang amat kotor dan curang sekali!

Kejadian yang seperti itu terjadi lagi tetapi tidak pernah ada pernyataan simpati dari Kedutaan Besar, apalagi untuk menghulurkan skadar bantuan yang akan melegakan. Semua ini jelas memperlihatkan betapa pincangnya Kedutaan Besar Malaya di Indonesia dan betapa kurang tanggungjawabnya terhadap warganegara Malaya yang patut dan berhak mendapat perlindungan.

Kadang-kadang alasan yang dipakai oleh Kedutaan Besar untuk mengelakkan diri dari tanggungjawabnya amat berputar belit sekali dan sukar untuk dimengerti. Kadang-kadang pula terlalu mudah untuk dimengerti. Misalnya Kedutaan Besar tidak punya waktu untuk memerhatikan nasib pelajar (mahasiswa) Malaya di sini kerana katanya masih banyak hal-hal lain yang perlu diselesaikan. Yang sebenarnya kedutaan besar di sini tidaklah terlalu sibuk dengan urusan-urusan yang dikatakannya. Hal ini dapat disaksikan oleh semua orang yang pernah berkunjung di Kedutaan Besar ini. Disamping urusan diplomatik

memang ada kesibukan-kesibukan lain yang dihadapi oleh Kedutaan ini dengan segala senang hati dan menggemirakan, iaitu kesibukan-kesibukan dalam mengejar kesempatan dan kepentingan diri mereka sendiri. Dalam kehidupan sehari-hari kebanyakan mereka terlalu *royal* dan menghabiskan waktu dengan berpoya-poya sahaja sehingga kepada mereka tidak pantas diberi gelar sebagai wakil dari suatu negara, kerana sikap dan amalan-amalan mereka tidak menunjukkan demikian itu. Jiwa orang-orang Kedutaan Besar, watak dan peribadi mereka dapat dikenal benar-benar baik kerana penyaksian sendiri mahu pun kerana penyaksian oleh kalangan yang terdekat dari Kedutaan Besar itu sendiri.

Kedutaan Besar Malaya di sini tidak boleh diukur dengan kedutaan-kedutaan besar lain yang ada di Jakarta. Selain dari gedungnya yang mentiring maka tidak ada sesuatu hasil karyanya yang dapat dibanggakan dan dijadikan tauladan, baik mengenai kegiatan-kegiatan dalam hubungan diplomatik mahupun mengenai kelancaran dalam urusan administrasi dan informasinya.

Siapakah yang wajib memikul tanggungjawab terhadap semua itu? Dalam hal ini tentu sahaja Duta Besar sendirilah yang wajib memikul semua pertanggungjawab terhadap kemunduran-kemunduran dan keburukan-keburukan yang sentiasa berlaku di kedutaan besar ini kerana beliau adalah tokoh utamanya. Selain itu pemerintah Malaya pula wajib bertanggungjawab terhadap itu semua sebab pada hakikatnya pemerintahlah yang membentuk Kedutaan Besar itu dan menentukan anggota-anggota stafnya.

Kesalahan-kesalahan besar terhadap adanya penyelewengan-penyelewengan dan

kejelikan-kejelikan itu sebenarnya terletak pada pengangkatan-pengangkatan anggota staf Kedutaan Besar itu sendiri, di mana banyak di antara mereka bukanlah tokoh yang layak untuk menjadi anggota staf kedutaan yang maha penting ini, baik tentang kecekapan, keperibadian mahupun mengenai pertanggungjawab ke luar dan ke dalam.

Pendek kata dari Kedutaan Besar Malaya di sini sekarang tidak dapat diharapkan sesuatu kebajikan oleh mahasiswa (pelajar) Malaya sendiri mahu pun oleh bangsa dan negara.

Tulisan ini saya buat dengan penuh kesedaran

sesudah melihat perlakuan yang sewenang-wenang dari kedutaan tersebut dan sesudah sekian lama melalui proses pemikiran, suatu tulisan yang memang pahit tetapi nyata! Mudah-mudahan menjadi pelajaran oleh Kedutaan Besar itu sendiri untuk segera memperbaiki dirinya sesuai dengan fungsi dan tugasnya. Dan semoga akan mendapat perhatian masyarakat seluruhnya dan oleh pemerintah Malaya khususnya. Bila mana perlu akan saya telanjangi semua tabir rahsia yang menyelubungi kedutaan ini dengan seribu satu macam kejelikan dan keburukan yang bersarang di dalamnya.

Sekian.

Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak Shayh Haji di Makkah al-Mukarramah

(Telegram: Shubli Makkah)

(peti surat nombor 188)

Sedia menyambut dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Makkah, di Madinah, di Arafah dan di Mina dengan sepenuh-penuh puas hati. Tambang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi Arabia yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang mengunjungi Tanah Suci, yang sedia teratur perhubungan secara moden dengan belanja yang murah. Bershaykhlah dengan Shaykh Shibli yang berdekatan dengan Masjidil Haram. Berhubunglah dengan wakil kita:

HAI AWAD BIN JA'AFAR

115-1 Minto Road,
Singapore, 7.

AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS

Jalan Haji Mataim,
Kuching, Sarawak

Atau kepada

A.H. EDRUS,
356/8 Geylang Road Singapore, 14.

Yang akhir ini akan bersedia memberi maklumat dan pertunjuk-pertunjuk kepada orang-orang haji yang akan bershaykh dengan Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak.